

05/05/2004

MTUC gesa kerajaan henti pengambilan pekerja asing

IPOH: Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menggesa kerajaan menghentikan segera pengambilan pekerja asing berikutan jumlah mereka semakin meningkat dan membimbangkan.

Timbalan Presidennya, Mohamed Shafie B P Mammal, berkata kerajaan sepatutnya menilai semula polisi pengambilan pekerja asing dan memperkenalkan sistem yang lebih baik bagi proses pengambilan pekerja luar negara.

Katanya, ketika ini pekerja asing semakin membanjiri negara ini sekaligus membimbangkan penduduk tempatan terutama aspek keselamatan.

"Kerajaan sepatutnya menilai semula pengambilan pekerja asing secara serius kerana jumlah mereka yang semakin meningkat.

"Justeru itu, satu sistem yang lebih baik perlu difikirkan bagi memantau perkara ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis makan malam sempena Hari Pekerja anjuran MTUC negeri di sini, kelmarin.

MTUC sebelum ini pernah menyerahkan memorandum berkaitan isu itu kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya ketika itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Mohd Shafie berkata, pada mulanya pekerja asing dibawa masuk ke negara ini bagi mengisi kekosongan tetapi keadaannya berubah selepas mereka beramai-ramai datang mencari pekerjaan di sini.

Beliau berkata, senario itu juga didorong faktor gaji yang jauh lebih rendah yang perlu diberikan oleh majikan kepada pekerja asing berbanding pekerja tempatan.

Selain itu, katanya, majikan juga cenderung mengambil pekerja asing berikutan sebahagian besar mereka tidak mampu membuat apa-apa jika mereka ditipu.

"Keadaan ini menyebabkan peluang pekerjaan penduduk tempatan semakin berkurangan termasuk yang diberhentikan majikan yang lebih berminat mengambil pekerja asing.

"Jadi, kerajaan perlu memandang serius perkara ini dan mengambil langkah segera membendung masalah ini daripada berterusan," katanya.

Mohamed Shafie berkata, hanya sebahagian kecil penduduk tempatan saja yang terlalu memilih pekerjaan sedangkan sebahagian besar yang lain sanggup melakukan semua jenis pekerjaan.

Beliau berkata, kerajaan tentu tidak mahu melihat penganggur menjadikan kekurangan tempat untuk mereka bekerja sebagai alasan melakukan tunjuk perasaan dan berpiket.

(END)